

# Insentif bagi projek jamin kelestarian biodiversiti

BH - 25/11/2021 mlb: 2

## Kerajaan pertimbang beri pampasan, galak negeri tingkat penjagaan hutan

Oleh Suzalina Halid dan Luqman Arif Abdul Karim  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan Persekutuan sedang mempertimbangkan pemberian insentif dalam bentuk pampasan kepada kerajaan negeri untuk melaksanakan program dan projek bagi menjamin kelestarian biodiversiti, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, ia bagi meningkatkan usaha kerajaan negeri meningkatkan usaha penjagaan serta pemuliharaan hutan, termasuk mengawal aktiviti pembalakan dan mewartakan kawasan tadahan air bagi merealisasikan Agenda Perubahan Iklim dan Teknologi Hijau Negara, termasuk memulih kemusnahan hutan dan degradasi tanah menjelang 2030.

Beliau berkata, perkara itu antara agenda dibincangkan pada

Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri (MBKM) Ke-137 semalam selepas lebih setahun tidak bersidang akibat pandemik COVID-19 dengan kali terakhir pada 17 Mac tahun lalu.

“Saya menyeru semua pihak mengetepikan latar belakang serta fahaman politik demi membawa negara keluar daripada kemelut COVID-19 serta memulihkan ekonomi. Bagi merencanakan semula aktiviti ekonomi, saya turut mengajak semua kerajaan negeri agar menyegerakan pelaksanaan projek berkaitan ekonomi dan perniagaan.

“Antara perkara perlu ditangani, ditambah baik ialah kelewatan proses kelulusan berkaitan tanah dan lesen perniagaan di peringkat kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

“Semua kerajaan negeri perlu tingkatkan sistem dan proses penyampaian dengan mengurangkan kerenah birokrasi menerusi inisiatif pendigitalan,” katanya dalam kenyataan semalam.

Bagi pelarasan inisiatif digital pada peringkat negeri dan Persekutuan, beliau berkata, kerajaan akan menubuhkan Majlis Ekonomi Digital dan 4IR Negeri (MED4IR Negeri) dan ia akan turut meneliti caj serta fi perkhidmatan agensi kerajaan serta PBT yang menyebabkan bayaran perkhidmatan telekomunikasi tinggi dan membebankan rakyat.

Katanya, semua Menteri Besar dan Ketua Menteri bersetuju lebih banyak sesi libat urus antara kerajaan Persekutuan dan negeri terutama membabitkan projek pembangunan di negeri.

Ismail Sabri turut mencekuri Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) bagi membincangkan strategi memulih dan memperkukuh ekonomi negara pasca COVID-19, khususnya meningkatkan usaha memudahkan urusan perniagaan serta memperkukuh perdagangan Malaysia.

Perdana Menteri berkata, dalam persediaan menuju fasa endemik dan selari pertumbuhan ekonomi global yang semakin rancak, usaha mewujudkan persekitaran perniagaan kondusif, berdaya saing dan meningkatkan produktiviti wajar dijadikan agenda utama setiap peringkat pentadbiran kerajaan Pusat serta negeri.

Antara keputusan mesyuarat, katanya, termasuk Kementerian, kerajaan negeri, PBT dan agensi kerajaan Persekutuan serta negeri perlu komited merealisasikan program uji kaji peraturan yang membabitkan pemegang taruh awam dan swasta secara bersama.

“Selain itu, menilai kecekapan dan kesesuaian peraturan sedia ada dan seterusnya mencadangkan beberapa kelonggaran peraturan berpandukan saranan Pertubuhan

Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD),” katanya.

Mengharapkan inisiatif itu dapat membantu memudahkan urusan perniagaan seperti kelulusan permit pembinaan dan lesen operasi perniagaan, beliau berkata, inisiatif #MyMudah akan turut diperkukuhkan melalui penubuhan Unit #MyMudah di semua kementerian dan agensi Persekutuan, kerajaan negeri, PBT dan persatuan industri.

Katanya, mesyuarat itu secara prinsip bersetuju membangunkan Platform Acara Perdagangan Bersepadu, khusus untuk mempromosi bagi mempertingkatkan daya saing perdagangan dan nilai eksport negara secara digital selaras landskap perdagangan baharu pada era pendigitalan.

Selain itu, bersetuju secara prinsip mewujudkan Portal Maklumat Tunggal, iaitu portal komprehensif merangkumi semua maklumat merentasi rantaian nilai eksport untuk memudahkan syarikat Malaysia terbabit secara aktif pada peringkat global.

Satu penanda aras antarabangsa juga akan dibuat terhadap negara-negara yang dikenal pasti mempunyai persekitaran perniagaan kondusif, khususnya dalam aspek digitalisasi, model perniagaan efisien, keterbukaan pasaran dan tahap sokongan kepada Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS).